



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 JANUARI 2023 (KHAMIS)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDN)**

12 JANUARI 2023 (KHAMIS)



PENGUAT Kuasa KPDN memeriksa barang kawalan yang disimpan sebuah premis pemborong barang runcit di Nilai 3, Nilai.

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Nilai

Cuba menyorokkan barang kawalan membabitkan minyak masak, tepung gandum dan gula sempena musim perayaan?

Persoalan itu timbul apabila Pengukuhan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), mengesahkan tindakan sebuah premis pemborong barang runcit di Nilai 3, di sini, yang dikesan gagal menyelenggara buku stok barang kawalan ketika Op Terjah dijalankan.

Hasil pemeriksaan dilakukan jam 12.30 tengah kelmarin, sebanyak 3,768 kilogram (kg) minyak masak, 200kg tepung gandum dan 312kg gula disita bagi tindakan susulan.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, pemeriksaan dan pemantauan berkenaan dijalankan ke atas bekalan barang yang menjadi tumpuan pengguna terutamanya gula, minyak masak, tepung gandum dan lain-lain.

Sorok stok sempena raya?

KPDN serbu premis pemborong barang runcit gagal selenggara buku stok barang kawalan

"Ketika pemeriksaan dijalankan, didapati premis berkenaan menawar dan membelikan barang kawalan seperti minyak masak, gula, dan tepung gandum untuk diedarkan kepada peruncit.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati premis berkenaan gagal menyelenggara buku stok barang kawalan iaitu gula, minyak masak dan tepung gandum," katainya semalam.

Beliau berkata, dokumen berkaitan turut disita bagi tujuan siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan anggaran nilai ram-

pasan keseluruhan berjumlah RM12,234.80.

Tambah beliau, peniaga berlesen yang berurusan dengan barang kawalan adalah wajib untuk menyelenggara buku stok barang kawalan dengan sempurna dan kegagalan melakukannya boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan 13 (2) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Kami komited dalam pemantauan berkaitan barang keperluan asas pengguna terutamanya berkaitan barangan kawalan untuk mencegah seba-

rang aktiviti penyelewengan di pasaran.

"Justeru, amaran kepada mana-mana pihak yang berurusan dengan barang kawalan berjadual supaya mematuhi perundungan yang ditetapkan.

"Kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati melakukan aktiviti menyalahi undang-undang yang dikuatkuasakan.

"KPDN Negeri Sembilan juga ingin menegaskan dan menasihatkan peniaga untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di dalam jalan perniagaan dan perdagangan masing-masing," katanya.

Sebanyak 3,768kg minyak masak, 200kg tepung gandum dan 312kg gula disita

Siasat pembekal caj kendali telur di kedai

ALOR SETAR — Persatuan Pengguna Kedah (Cake) mendedak agar siasatan dijalankan ke atas pembekal dan pemborong yang didakwa turut mengenakan caj pengendalian telur kepada peruncit.

Presiden Cake, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya menerima maklumat daripada peruncit berhubung caj tambahan kepada mereka bagi setiap penghantaran bekalan telur ke premis masing-masing sejak tiga bulan lepas.

"Semua peruncit terbabit bagaimanapun tidak mengenakan caj kepada pengguna sehingga insiden baru-baru ini apabila ada peruncit mengenakan caj tambahan melampau kepada pengguna.

"Siasatan sudah dijalankan ke atas peruncit berkenaan cuma Cake berharap pihak terlibat turut menyiasat pemborong dan pembekal telur itu juga," katanya di sini semalam.

Kata beliau, penguatkuasaan seumpama itu perlu dilihatgandakan supaya trend caj tambahan ke atas pengguna tidak menjadi ikutan.

"Cake memberi amaran supaya tidak ada lagi peruncit yang bertindak sedemikian ia-



GAMBAR tular sebuah premis mengenakan caj pengendalian telur di Kedah baru-baru ini.

itu mengenakan caj tambahan sekaligus membebankan pengguna dengan peningkatan kos sara hidup ketika ini.

"Kita juga berharap supaya pengguna melaporkan segera kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sekiranya berlaku perkara seperti ini lagi untuk tindakan lanjut," ujarnya.

Tambahnya, semua pengguna perlu mengetahui tentang hak masing-masing dan jangan ragu-ragu untuk bertanya jika ada kemasukan.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **12/1/2023**
M/SURAT : **16**

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM7.99 Daging Lembu Tempatan RM40 Daging Lembu Import RM45.90	Telur Gred A RM13.20 Ikan Kembung RM12.90 Minyak Masak RM6.79	Gula Pasir RM2.80 Bawang Besar Holland RM3.40 Bawang Putih RM5	Cili Merah RM5.99 Kubis Tempatan RM2.99 Tepung Gandum RM3.30
--	--	---	--	--

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDN



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDN)

12 JANUARI 2023 (KHAMIS)

HARI : **KHAMIS**
 TARikh : **12/1/2023**
 M/SURAT : **6**

Oleh Sudirman
 Mohd Tahir
 sudirman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kisah kejayaan luar biasa murid tahun keenam Sekolah Kebangsaan (P) Methodist Kuantan, Maryam Muzamir menerima pengiktirafan antarabangsa apabila merangkul dua pingat emas dalam *The 22nd Annual British Invention Show Awards 2022* mendapat perhatian ramai.

Maryam memenangi anugerah *Double Gold Award* dan *Chairmans Special Recognition Award - Young Ambassador of Innovation* dalam pertandingan reka cipta, inovasi dan teknologi paling berprestij serta lama di United Kingdom.

Malah, pada 2021, Maryam yang juga anak sulung daripada dua beradik meraih tiga pingat emas dalam Pertandingan Ciptaan, Inovasi Antarabangsa Keenam di Toronto, Kanada.

Kejayaan Maryam tidak terhenti setakat itu apabila inovasi ciptaananya iaitu produk diberi nama YAM 2.0: *Sustainable Livestock Feed* hasil inovasi makanan haiwan dihasilkan daripada kulit udang dan sifut sedut itu menarik minat beberapa syarikat antarabangsa dari China, Singapura dan In-

**Insyah-Allah,
 ciptaan dan produk
 baharu akan ada.
 Cuma masih belum
 buat sebab nak
 kembangkan idea**
 Maryam

donesia untuk membeli seterusnya dikomersialkan. Menurutnya, dia bangga dan gembira produk itu mendapat sokongan ramai pihak bukan saja dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

"Alhamdulillah, saya gembira apabila inovasi ciptaan saya dipandang oleh orang luar dan bukan dalam negara sahaja."

"Lebih membanggakan apabila syarikat antarabangsa dari pelbagai negara mengiktiraf produk ini."

"Sudah semestinya ia satu lagi pencapaian yang cukup manis buat saya kerana hasil ciptaan ini dikenali," katanya ketika dihubungi kelmarin.

Ditanya mengenai ciptaan baharu dan pertandingan yang bakal disertai tahun ini, Maryam berkata, dia mengintai peluang untuk menyertai acara di Eropah atau Amerika Syarikat.

"Insyah-Allah, ciptaan dan produk baharu akan ada. Cuma masih belum buat sebab nak kembangkan idea. Mungkin selepas peperiksa-

Maryam genius

Kejayaan rangkul emas dalam pertandingan reka cipta, inovasi dapat perhatian ramai



Maryam merangkul pelbagai anugerah.

an akhir baru saya nak memberi fokus.

"Kalau ada pertandingan sesuai di Eropah dan Amerika Syarikat, saya nak cuba serta. Dalam masa sama, saya berbesar hati jika ada mana-mana pihak atau kerajaan sudi menaja sebab kos untuk ke sana agak tinggi," katanya.

"Sejak menang dari tahun 2021 dan tahun lalu, kementerian dan agensi kerajaan banyak beri perhatian.

"Saya berterima kasih kepada Menteri KPDHEP yang lalu, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi kerana memberi tajaan penuh dari segi harta intelek yang mana inovasi ciptaan Maryam ini sudah mendapat hak cipta terpelihara atau asas paten (Perbahruan utiliti)," katanya.

"Diakui saya terkejut dan baru tahu. Apa pun saya gembira sebab selepas enam bulan dari kejayaan tabun lalu, orang masih ingat dan kembali memperkatakaninya."

"Kawan-kawan di sekolah juga tumpang bangga dan mereka sentiasa memberi sokongan," katanya.

Sementara itu, bapanya, Profesor Madya Ts Dr Muzamir Hasan, 40, berkata,

MARYAM bersama sijil pengiktirafan antarabangsa yang diterima.

inovasi Yam 2.0 sudah dipaten yang mana ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDHEP) tahun lalu.

"Sejak menang dari tahun 2021 dan tahun lalu, kementerian dan agensi kerajaan banyak beri perhatian.

"Saya berterima kasih kepada Menteri KPDHEP yang lalu, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi kerana memberi tajaan penuh dari segi harta intelek yang mana inovasi ciptaan Maryam ini sudah mendapat hak cipta terpelihara atau asas paten (Perbahruan utiliti)," katanya.



BERITA ONLINE BERTARIKH 12 JANUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Jan	11 JANUARI 2023 -SPM- CERITA PAGI SARAWAK : PENCAPOAIAN CEMERLANG KPDN BAHAGIAN LIMBANG	https://youtu.be/lxtTfM9KIUU	BERITARTM
12-Jan	Price control creates long term distortions, say economists	https://www.theedgemarkets.com/node/651258	THEEDGE MARKETS
12-Jan	Pasar raya besar diseru sertai Inisiatif Rahmah KPDN	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/01/pasar-rayabesar-diseru-sertai-inisiatif-rahmah-kpdn/	UM
12-Jan	Psar raya disaran sertai inisiatif Jualan Rahmah KPDN	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2155369	BERNAMA
12-Jan	Semua Pasar Raya disaran sertai Program Jualan Rahmah KPDN	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/55066-semua-pasar-rayadisaran-sertai-program-jualan-rahmah-kpdn/	BERITARTM
12-Jan	Pasar raya disaran sertai inisiatif Jualan Rahmah KPDN	https://malaysiadateline.com/pasar-rayadisaran-sertai-inisiatif-jualan-rahmah-kpdn/	MALAYSIADATELINE
12-Jan	Inisiatif KPDN lancar ‘Payung Rahmah’ bantu golongan berpendapatan rendah	https://suaramerdeka.com.my/inisiatif-kpdn-lancar-payung-rahmah-bantu-golongan-berpendapatan-rendah/	SUARAMERDEKA
12-Jan	Pasar raya disaran sertai inisiatif Jualan Rahmah KPDN	https://www.astroawani.com/video-malaysia/awani-ringkas-pasar-rayadisaran-sertai-inisiatif-jualan-rahmah-kpdn-2004731	ASTROAWANI
12-Jan	Kempen Jualan Rahmah tidak babit dana kerajaan - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1050596/kempen-jualan-rahmah-tidak-babit-dana-kerajaan-salahuddin	BH
12-Jan	Jualan Rahmah tawar harga 10 hingga 30 peratus lebih murah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/01/924702/jualan-rahmah-tawar-harga-10-hingga-30-peratus-lebih-murah-metrotv	HM
12-Jan	Supermarkets invited to participate in KPDN's Rahmah Sales	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/188118	SH

12-Jan	Supermarkets invited to participate in KPDN's Rahmah Sales	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2155392	BERNAMA
12-Jan	AWANI Ringkas: Pasar raya disaran sertai inisiatif Jualan Rahmah KPDN	https://youtu.be/HKpu3N3ICE0	ASTROAWANI
12-Jan	Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayub hari ini melancarkan Inisiatif Rahmah iaitu inisiatif baharu kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup	https://fb.watch/h-Xe2fPF/	BERNAMATV